

# Ubat-ubatan seks mengandungi racun boleh bawa maut

**KEBANYAKAN** ubat-ubat perangsang seks yang dijual di kaki-kaki lima mengandungi racun berjadual yang boleh membawa kemudaratan kepada pengguna.

Kenyataan ini disahkan oleh pihak Fakulti Farmasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) bahawa analisis kimia yang dilakukan sebelum ini menunjukkan ubat-ubatan tersebut mengandungi racun berjadual seperti Sildenafil (sejenis ubat kawalan untuk merawat mati pucuk), Taladafil, Alprostadil dan Vardenafil.

Selain itu, ubat-ubatan tersebut juga mengandungi Psikotropik atau Amfetamin yang mengkhayalkan dan boleh memberi kesan sampingan kepada sistem saraf otak.

Pengambilan pil perangsang seks tidak sesuai bagi mereka yang mempunyai

S.H 12/01/09  
masalah jantung atau kerap mengalami kesakitan di bahagian dada kerana boleh menyebabkan masalah jantung dan mungkin mengakibatkan kematian.

Malah, terdapat juga laporan di mana pengguna yang tidak mempunyai sebarang masalah seksual mengalami masalah mati pucuk selepas mengambil pil-pil tersebut.

Perkara ini terjadi disebabkan kandungan dos racun berjadual yang terdapat di dalam pil tersebut tidak mengikut piawaian yang dibenarkan.

Tambahan pula, penghasilan ubat-ubatan ini selalunya dilakukan oleh pengeluar tidak berdaftar yang mana proses pengilangannya tidak mengikut garis panduan 'Amalan Pengilangan Baik' (GMP).

M/S 16

Kegagalan mengikut garis panduan GMP ini menyebabkan pengeluaran produk ubat-ubatan tersebut terdedah kepada masalah seperti dos yang tidak tepat, kualiti produk yang rendah dan tahap kebersihan serta keselamatan produk yang tidak terjamin.

Oleh itu, bagi mereka yang ingin menggunakan pil perangsang seks haruslah mendapatkan khidmat nasihat daripada doktor atau ahli farmasi berdekatan terlebih dahulu dan tidak mengambil jalan mudah dengan mengunjungi gerai-gerai di kaki lima yang menjual produk-produk tersebut.

Peniaga-peniaga pula perlu diingatkan bahawa pemilikan produk-produk tidak berdaftar bagi tujuan jualan adalah melanggar Peraturan-peraturan

Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan-kesalahan berikutnya.

Orang ramai yang telah membeli dan menggunakan ubat-ubatan yang dijual secara terbuka di kaki-kaki lima yang disyaki mengandungi racun berjadual atau produk-produk tidak berdaftar dinasihatkan untuk menghentikan pengambilan atau penggunaan produk tersebut.